



03 AUG, 2020

## Pasar Komuniti Stutong kembali beroperasi

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2



**DATO** Wee Hong Seng melekat garis panduan di sekitar Pasar Komuniti Stutong.

### Pasar Komuniti Stutong kembali beroperasi

**KUCHING:** Pasar Komuniti Stutong kini kembali dibuka kepada orang awam, kata Datuk Bandar Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS) Dato Wee Hong Seng.

Beliau berkata, sebelum ini susulan terdapat kes positif Covid-19 dilaporkan di pasar tersebut, ia telah diarah tutup selama 14 hari.

"Setelah itu, kita telah menerima surat daripada Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak (JKNS) pada 31 Julai dan kita dibenarkan untuk beroperasi semula pada 1 Ogos.

"Namun demikian, kita juga perlu melakukan proses sanitasi di pasar ini sebelum dibuka semula dan hari ini, barulah pasar ini dapat dikunjungi oleh orang awam," katanya.

Beliau berkata demikian ketika melawat Pasar Komuniti Stutong, semalam sambil membuat agihan pelitup muka

dan garis panduan kepada peniaga.

Beliau berkata, setakat ini, terdapat kekurangan peniaga yang berniaga semula dibanding sebelum pasar ditutup.

"Hanya dalam 25 ke 30 peratus sahaja yang beroperasi dan mungkin mereka memerlukan beberapa hari untuk beroperasi semula kerana hanya baru diberitahu tentang pembukaan semula.

"Kita juga ingin memberi jaminan bahawa keadaan adalah selamat sekarang bagi peniaga beroperasi semula dan pengunjung dapat membeli semula di pasar ini," ujar Wee.

Beliau menambah, MBKS turut mencetak dua risalah garis panduan untuk diagihkan kepada pasar dan kedai kopi dan makanan.

"Kita berharap peniaga dan pengunjung untuk sentiasa menjaga kebersihan dan memakai pelitup muka bagi keselamatan semua orang," katanya.



03 AUG, 2020

## Pasar Komuniti Stutong kembali beroperasi

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

DATO Wee Hong Seng melekat garis panduan di sekitar Pasar Komuniti Stutong.

KUCHING: Pasar Komuniti Stutong kini kembali dibuka kepada orang awam, kata Datuk Bandar Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS) Dato Wee Hong Seng. Beliau berkata, sebelum ini susulan terdapat kes positif Covid-19 dilaporkan di pasar tersebut, ia telah diarah tutup selama 14 hari.